

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA

TARIKH: 04.10.2022 MASA:2.50pm

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEPADA
PEMENANG GRPB *CHAMPION AWARD* MBSP 2020-
2021

TARIKH / MASA / TEMPAT
6 OKTOBER 2022 (KHAMIS)
2.30 PETANG

HOTEL IXORA
PERAI
SEBERANG PERAI TENGAH

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tn. Hj. Baderul Amin Bin Abdul Hamid

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Barisan Panel Juri iaitu: -

Puan Ong Bee Leng

Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC)

Selaku Ketua Panel Juri

Dato' Rohana Binti Abdul Ghani

Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Keterangkuman Gender

Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC)

Prof. Madya Dr. Nor Hafizah Binti Selamat

Pensyarah Unit Penyelidikan Wanita dan Gender (KANITA)

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

Universiti Sains Malaysia (USM)

Encik Mohd Jamil Bin Ahmad

Ketua Juruaudit, Unit Audit Dalam

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP)

Encik Syawal Abul Haq Bin Ahmad Jelani

Pegawai Tadbir Unit Penyelarasan Pembangunan

Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Pasukan GRPB

Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC)

dan

Peserta-Peserta “*GRPB Champion Award MBSP 2020-2021*”

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya telah memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan yang baik pada petang ini untuk bersama-sama dalam Majlis Penyampaian Hadiah Kepada Pemenang “*GRPB Champion Award MBSP 2020 – 2021*” di Hotel Ixora, Perai.

Terlebih dahulu, saya bagi pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) kerana sentiasa memberi jalinan kerjasama yang baik sepanjang pelaksanaan dan penginstitusian GRPB di MBSP serta dalam menganjurkan pertandingan ini.

Saya juga mengalu-alukan kehadiran Ahli-Ahli Majlis, Yang Berusaha Setiausaha Bandaraya, Barisan Panel Juri, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, Pasukan GRPB Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan para Peserta “*GRPB Champion Award MBSP 2020-2021*”.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati
sekalian,**

Majlis Bandaraya Seberang Perai telah melaksanakan Bajet Penyertaan Rakyat dan Responsif Gender atau *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) sejak tahun 2012. Pelaksanaan *GRPB The Penang Model* ini adalah untuk memastikan setiap sen yang dibelanjakan hendaklah **berorientasikan rakyat** dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.

Kaedah pelaksanaan GRPB merangkumi dialog bersama penduduk dan komuniti, pengumpulan data yang lebih sistematik yang membolehkan penilaian perbelanjaan bajet mengikut gender dan menjalankan *Beneficiary Impact Assessment (BIA)* selepas pelaksanaan projek atau program bagi memastikan projek atau program yang dilaksanakan memenuhi keperluan dan kehendak rakyat Seberang Perai.

MBSP juga dari semasa ke semasa menjalinkan kerjasama yang erat dengan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dalam melaksanakan program-program yang melibatkan komuniti di Seberang Perai bagi mendukung Dasar Keterangkuman Gender Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ini merupakan kali kedua penganjuran *GRPB Champion Award* bagi mengarusperdanakan GRPB dan disebabkan Pandemik Covid-19, pertandingan ini dilanjutkan ke tahun 2021 bagi memastikan Jabatan yang bertanding dapat menyiapkan projek atau program masing-masing

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati
sekalian,**

"GRPB Champion Award" diadakan untuk menggalakkan pelaksanaan GRPB di Jabatan-Jabatan MBSP, khususnya dalam melaksanakan tugas atau projek masing-masing. Dengan erti kata lain, pertandingan ini adalah landasan bagi jabatan-jabatan dan unit-unit untuk menggunakan pengetahuan dan pengalaman dalam melaksanakan projek atau program dengan penglibatan atau partisipatori daripada rakyat Seberang Perai sebelum dinilai oleh juri-juri profesional dalam bidang yang berbeza.

Bagi memmanifestasi semangat partisipatori serta penyertaan dari bawah ke atas atau *bottom-up*, penilaian bagi *"GRPB Champion Award MBSP 2020 - 2021"* telah mengambilkira penilaian dari Juri Awam. Markah dari Juri Profesional menyumbang kepada 80% markah semasa 'Sesi Viva' manakala markah dari Juri Awam menyumbang kepada 15% dari markah

keseluruhan. Baki lima peratus (5%) telah diberi oleh Juri Profesional berdasarkan persembahan pembentangan oleh Jabatan dan Unit pada 11 Ogos 2022 lalu.

Harapan saya adalah setiap jabatan dan unit yang bertanding dapat menjadikan penilaian dan komen dari juri-juri profesional sebagai panduan dan pembakar semangat untuk membudayakan GRPB di jabatan dan unit masing-masing pada tahun 2022 dan tahun-tahun akan datang. Membudayakan bererti membiasakan dan menjadikan GRPB sebagai amalan, bukan lagi dilihat sebagai bebanan atau tambahan kerja.

**Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati
sekalian,**

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada 16 Jabatan yang telah menyertai "*GRPB Champion Award MBSP 2020 - 2021*" dan tahniah kepada pemenang-pemenang yang akan menerima hadiah sebentar lagi.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis, barisan Panel Juri Profesional dan PWDC atas sokongan untuk penganjuran "*GRPB Champion Award*".

**Dengan itu, saya sudah dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Sekian, Terima Kasih.